

Perjanjian sempadan maritim Malaysia-Indonesia tidak korban hak, kedaulatan negara

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan perjanjian penyelesaian sempadan maritim Malaysia-Indonesia yang dimeterai baru-baru ini sama sekali tidak akan mengorbankan kepentingan, hak dan kedaulatan negara.

Perdana Menteri berkata, pendirian kerajaan cukup jelas tidak akan ada seinci pun sempadan negara dikorbankan, namun terus

BH 14/6/2023 Ms 1 dan 3
menjaga hubungan dua hala dua negara jiran itu.

Malah, menurut Anwar, perjanjian persempadanan itu dibuat berhati-hati, dengan mengambil kira pandangan pihak berkaitan dan hanya membabitkan kawasan yang dipersetujui kedua-dua negara tanpa mengorbankan hak negara masing-masing.

“Adakah ia komprehensif, ya ia satu penyelesaian komprehensif, namun yang belum dimeterai adalah sebahagian kecil melibatkan sempadan Sabah yang kita ti-

dak dapat bersetuju (tuntutan)... Indonesia jelas dengan tuntutan kita dan kita juga jelas dengan tuntutan mereka.

“Soal kompromi tidak berbangkit... soal kedaulatan tidak boleh dikorbankan... muktamad pendirian kita (Malaysia), tidak mungkin kita mengorbankan seinci pun tanah negara kita,” katanya pada sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri, di Dewan Rakyat, semalam.

'Perjanjian sempadan maritim ambil kira pandangan pakar'

Dari Muka 1

Perdana Menteri menjawab soalan Tan Sri Muhyiddin Yassin (PN-Pagoh) yang meminta penjelasan sama ada perjanjian sempadan maritim Malaysia-Indonesia yang dimeterai baru-baru ini komprehensif dalam menjaga hak serta kedaulatan maritim negara.

Anwar menjelaskan perjanjian penyelesaian sempadan antara Malaysia dan Indonesia hanya melibatkan Sabah dan tidak meliputi Johor.


"Soal Sabah bukan hanya Kerajaan Persekutuan akan berunding dengan Indonesia untuk kawasan sempadan. Untuk Sabah, termasuk Pulau Sebatik itu turut melibatkan wakil kerajaan Sabah.

"Bagaimana kita teruskan? Kalau pengalaman kita dengan Thailand *win-win* (menang-menang) kita wujudkan *Joint Development Authority* (Pihak Berkuasa Pembangunan Bersama), tetapi Pulau Sebatik tidak sampai ke situ.

"Bagaimanapun, itu wajar ditekankan dan setakat ini kita bawakan pendirian kita dan Indonesia jelas. Kita juga tuntutan Indonesia, tetapi kita tak setuju," katanya.

Terdahulu, Perdana Menteri berkata, sebelum perjanjian persepadaanan itu dimeterai, kerajaan telah mengambil kira pandangan pelbagai pihak berkaitan seperti pakar dari Jabatan Maritim, Kementerian Luar, Jabatan Ukur dan Pemetaan, Pusat Hidrografi Nasional Malaysia dan Pejabat Peguam Negara.

"Selepas mereka teliti dan perjumpaan akhir dengan saya, ber-



Keratan akhbar BH, kelmarin.

puas hati barulah kita meterai dan ini berlanjutan tatkala perjumpaan saya dengan Presiden Jokowi (Presiden Indonesia) pada Januari lalu. Kita sebagai negara sahabat harus selesaikan perkara yang berlanjutan selama 18 tahun.

"Jadi sebab itulah pada 8 Jun lalu kita melakukan persetujuan berdasarkan kepentingan kita, titik sempadan yang kita tidak pertikai dan undang-undang antara-bangsa terutama Konvensyen Undang-Undang Laut 1982 (KUUL 1982)," katanya.

Masih berunding

Anwar menekankan bahawa perjanjian baru-baru ini tidak melibatkan kawasan yang masih dalam rundingan iaitu di Pulau Sebatik, Sabah dan garis sempadan Laut Sulawesi Selatan kerana ia masih dalam proses rundingan untuk dimuktamadkan.

Menurutnya, triti itu juga tidak melibatkan kawasan Pelabuhan Tanjung Pelepas seperti dibangkitkan beberapa pihak.

Kepada soalan tambahan Datuk Seri Takiyuddin Hassan (PN-Kota Bharu) sama ada pihak berkepentingan telah dirujuk sebelum perjanjian itu dipersetujui, Anwar

berkata, Sultan Johor Sultan Ibrahim Sultan Iskandar sudah dimaklumkan pemeteraian perjanjian itu.

"Tuanku Sultan Johor telah dimaklumkan bahawa persepadaanan ini (perairan Johor), tiga batu nautika dari kawasan pantai Johor ...ini jauh, tidak termasuk dalam perbatasan Johor.

"Yang kedua, Sabah. Sabah tidak dimeterai dalam perjanjian ini. Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor dimaklumkan bahawa rundingan bagi memuktamadkan Pulau Sebatik dan kawasan di Tawau ditangguhkan sehingga ada persetujuan baharu kerana kita belum bersetuju," katanya sambil menampal Takiyuddin yang didakwa sembrono dalam membuat kenyataan berhubung perjanjian penyelesaian sempadan itu.

Perdana Menteri berkata, sebagai seorang peguam, Takiyuddin yang juga Ketua Whip Perikatan Nasional (PN) tidak sepatutnya memberikan hujah yang bersifat samar dengan kononnya memetik kenyataan pihak didakwa sebagai pakar tanpa menyebut secara spesifik siapa pakar yang dimaksudkan itu.

"Ramai berpandangan, pakar maritim siapa yang berpandangan dan pakar mana yang membicarakan? (Takiyuddin kata) telah melanggar (peraturan) yang mana, peraturan yang mana?"

"Dia (Takiyuddin) peguam, kalau bincang samar-samar begini tak payah peguam, ketua kampung pun boleh, peguam harus spesifik," katanya.